

21/05/2005

SENAI-PINJAMAN

SENAI AIRPORT SAHKAN RUNDINGAN DAPATKAN PINJAMAN AS\$260 JUTA

Oleh: Haikal Mohd Isa

JOHOR BAHRU, 21 Mei (Bernama) -- Senai Airport Terminal Services (SATS), pengendali Lapangan Terbang Antarabangsa Senai yang pesat berkembang, di sini, mengesahkan bahawa ia telah menandatangani surat mandat dengan sebuah institusi kewangan yang berpangkalan di Dubai untuk mengaturkan pinjaman sebanyak AS\$260 juta (RM988 juta) bagi syarikat itu.

Ketika dihubungi Bernama hari ini, seorang pegawai kanan SATS mengesahkan perkara tersebut, tetapi enggan menyatakan butiran selanjutnya tentang rancangan syarikat itu berhubung pinjaman tersebut.

Sebuah akhbar di Dubai melaporkan baru-baru ini bahawa Bank Islam Emiriyah dan Amlak Finance di negara itu telah memperoleh mandat untuk mengatur pinjaman Islam berjumlah AS\$260 juta bagi SATS.

Laporan akhbar itu berkata, kemudahan pinjaman yang telah ditaja jamin oleh dua institusi Islam itu adalah bagi membiayai pembinaan sebuah lapangan terbang oleh SATS.

Dalam laporan akhbar itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Emiriyah, Ebrahim Fayez Al Shamsi, disebut sebagai berkata, kedua-dua institusi itu sedang menyediakan struktur kemudahan pinjaman itu, dan dana itu akan dikumpul melalui sama ada pinjaman bersindiket atau Sukuk atau bon Islam.

Akhbar itu juga berkata, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara SATS dan kedua-dua institusi yang berpangkalan di Dubai itu. -- BERNAMA

MHI MR KY